

MAHATHIR

1979

KUANTAN, 6 APRIL (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENINGATKAN TENTANG TERTAMBAHNYA BILANGAN DOKTOR YANG TIDAK DAPAT MENGEKALKAN MUTU TATA SUSILA DAN KESOPAKAN.

BELIAU MENYEDARI ADANYA PARA DOKTOR YANG CUBA MENAMBAH PENDAPATAN MEREKA DENGAN CARA YANG KURANG SOPAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN PERUBATAN MALAYSIA DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASA TATASUSILA MMA TELAH MEMBONGKAR BEBERAPA KES SEUMPAMA ITU TETAPI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI CUKUP KUASA UNTUK BERTINDAK.

BELIAU BERKATA PERKARA INI PERLU DIBERI PERHATIAN SEGERA KERAJA JIKA DIBIARKAN BERLAKU IA AKAN MENJEJASKAN MUTU PERKHIDMATAN PERUBATAN.

BELIAU JUGA MENINGATKAN ADALAH MENJADI SATU KESALAHAN DARI SEGI SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN KERAJAAN BAGI DOKTOR-DOKTOR KERAJAAN YANG MEMBUAT KERJA LUAR SAMADA SECARA SAMBILAN ATAU SEMASA CUTI. — BERNAMA 0030/1B